



Memo
LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Semua Anggota LGM
Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/BPPKS/UPSM/A/0047
Tarikh : 13 Jun 2016

**KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
BIL 11 TAHUN 2016**

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 7 TAHUN 2015
PELAKSANAAN DASAR PEMISAH (*EXIT POLICY*) BAGI PEGAWAI YANG
BERPRESTASI RENDAH DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Bil. 99 pada 3 Mac 2016 telah bersetuju untuk menerima pakai pekeliling ini berkuat kuasa 19 November 2015 bagi pegawai yang berprestasi rendah berdasarkan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT). Pelaksanaan dasar ini akan dapat mengekalkan pegawai yang komited dan berprestasi tinggi bagi membolehkan Perkhidmatan Awam meningkatkan lagi daya saingnya dalam mendepani cabaran persekitaran masa kini dan akan datang selaras dengan matlamat mewujudkan Perkhidmatan Awam yang berprestasi tinggi dan berintegriti.

3. Pelaksanaan dasar pemisah ini adalah merujuk kepada pegawai yang penilaian prestasi terkini berada pada tahap kurang daripada 60% atau pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator – KPI*) di bawah sasaran. Tidak mengambilkira prestasi pada tahun-tahun sebelumnya yang mencapai lebih 60% atau KPI melepas sasaran. Penilaian prestasi ini adalah berdasarkan LNPT atau instrumen penilaian lain yang dibentuk oleh agensi dan diluluskan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam termasuk penggunaan KPI.

4. Dasar ini dilaksanakan melalui penamatan perkhidmatan demi kepentingan awam di bawah peraturan 49 P.U (A) 395/1993 dan pegawai kemudiannya dibersaraskan di bawah perenggan 10(5)(d) Akta Pencen 1980 [Akta 227] bagi pegawai yang bertaraf berpencen atau di bawah subseksyen 6A(6) Akta 227 bagi pegawai yang memilih skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

5. Pegawai bertaraf pencen yang dibersaraskan di bawah penamatan perkhidmatan menurut Pekeliling Perkhidmatan ini boleh dipertimbangkan mendapat faedah di bawah Akta 227. Pegawai di bawah skim KWSP yang ditamatkan perkhidmatannya hanya layak mendapat faedah persaraan mengikut undang-undang KWSP dan kemudahan perubatan untuk pesara.

6. Bersama-sama ini disertakan proses secara ringkas pelaksanaan pekeliling ini (rujuk Lampiran 1).

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF'


(NURUL HUDA BINTI ABDUL HAMID)


s.k: Y.Bhg. Datuk Ketua Pengarah
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)
Pengarah-Pengarah Bahagian
Ketua Unit Pentadbiran
Ketua Unit Kewangan dan Akaun

PROSEDUR BAGI KUMPULAN PELAKSANA / P&P

1


PENGENALPASTIAN PEGAWAI

PPSM kenal pasti pegawai berprestasi rendah tahun penilaian terkini



2

TEMPOH PEMERHATIAN



3

PERAKUAN PENAMATAN

KJ hantar surat tunjuk sebab & pegawai kemuka penjelasan - 14 hari (termasuk permohonan hadir representasi)


Perakuan penamatan kepada PPDP

PPDP memberi peluang pegawai membuat representasi (jika pegawai memohon)



Penamatan Demi Kepentingan Awam

6 peringkat tapisan



Nota:

- PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia
- PPDP : Panel Penilai Dasar Pemisah
- YDPA : Yang Di-Pertuan Agong
- LNPK : Laporan Penilaian Prestasi Khas
- PPPK : Panel Penilaian Prestasi Khas
- JPA : Jabatan Perkhidmatan Awam
- JPN : Jabatan Peguam Negara